A

## Nagarajan a/l Munisamy @ Jeyaraman lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05–3 TAHUN 2011
AZIAH ALI, AHMADI ASNAWI DAN ABDUL RAHMAN SEBLI HHMR
26 OKTOBER 2015

C

*Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Kesalahan membunuh — Tertuduh dijatuhkan hukuman mati — Sama ada kes pendakwaan berjaya dibuktikan melampaui keraguan munasabah — Sama ada pembelaan berjaya membangkitkan keraguan munasabah — Sama ada tertuduh mempunya niat untuk membunuh — Sama ada senjata yang digunakan lazimnya membawa kematian — Sama ada si mati ditikam pada bahagian yang lazimnya membawa kematian — Kanun Keseksaan, s 302*

D

Di Mahkamah Tinggi, perayu telah dipertuduh atas kesalahan membunuh, di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Kejadian bunuh ini berlaku di dalam rumah kepunyaan SP5 dan SP6. SP6 adalah suami SP5. Si mati adalah abang sepupu SP6. SP4 salah seorang saksi mata, adalah ibu saudara SP6 manakala SP3 adalah adik SP6. Menurut SP6, pada hari kejadian, dia, SP5 dan si mati berada di ruang tamu di rumah tersebut menonton TV. Tiba-tiba perayu masuk ke dalam rumah tersebut dengan bersenjatakan pisau. SP6 bangun dan menolak SP5 ke arah sofa. SP5 nampak si mati bangun dari sofa dan dengan pantas menikam sebelah kanan perut si mati. SP6 kemudian nampak perayu menikam si mati sekali lagi di bahagian kanan leher dengan menggunakan pisau yang sama. Akibat tikaman tersebut si mati jatuh ke lantai. Selepas jatuh ke lantai, SP6 nampak sekali lagi perayu menikam peha kanan si mati. Bedah siasat ke atas si mati menyatakan sebab kematian adalah 'hypovolaemia shock with disseminated intravascular coagulation'. Menurut SP6, sebelum kejadian bunuh tersebut, sememangnya telah wujud pertelingkahan antaranya dengan Moses. Dalam pembelaannya, perayu memperihalkan bahawa dia telah pergi ke kedai. Semasa sedang bercakap dengan SP6, si mati menghisap rokok. Ini telah menimbulkan kemarahannya kerana si mati tidak menghormatinya. Perayu seterusnya menyatakan semasa dia menoleh ke arah motorsikalnya, si mati telah menumbuknya. Dia bertindak balas dengan melemparkan helmet ke arah si mati dan masuk ke dalam kedai. Si mati dan SP6 kemudian meninggalkan kedai tersebut. Perayu seterusnya menyatakan semasa dia menoleh ke arah motorsikalnya, si mati telah menumbuknya. Dia bertindak balas dengan melemparkan helmet ke arah si mati dan masuk ke dalam kedai. Si mati dan SP6 kemudian meninggalkan kedai tersebut. Selepas itu perayu telah pergi ke rumah SP6. Dalam perjalanan, dia mengambil pisau di kedai besi buruk untuk melindungi dirinya daripada apa-apa yang akan terjadi. Sejurus tiba di rumah SP6, dia memanggil SP6 untuk bertanya kenapa si mati

E

F

G

H

I

menumbuknya. Si mati kemudiannya bangun dari tempat duduknya dan cuba untuk merampas pisau dari tangannya. Selepas itu berlaku pergelutan di antara dia dengan si mati. Perayu seterusnya menyatakan kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati berkemungkinan besar kerana pisau itu telah tertusuk di bahagian-bahagian badan si mati. Perayu menyatakan dia tidak mempunyai niat untuk mencederakan si mati dalam pergelutan tersebut. Dalam pergelutan itu dia hanya cuba untuk menyelamatkan dirinya. Dia tidak perasan bila pisau tersebut tertikam si mati. Dia hanya perasan pisau itu tertikam si mati apabila dia nampak tompokan darah. Dia turut menyatakan tidak perasan tikaman ke atas si mati kerana pada masa itu dalam keadaan 'dizzy' apabila melihat darah. Setelah mengambil kira keseluruhan keterangan yang dikemukakan, hakim bicara yang bijaksana menolak hujahan bahawa perayu sepatutnya didapati bersalah di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan di mana perayu dikatakan tidak mempunyai niat untuk mencederakan si mati. Sebaliknya dia mendapati keterangan menunjukkan perayu mempunyai niat untuk mendatangkan kecederaan kepada si mati dalam keadaan biasa yang boleh membawa kepada kematian sebagaimana diperuntukkan dalam bahagian (b) s 300 Kanun. Perayu disabitkan atas kesalahan dan dijatuhkan hukuman mati. Oleh itu, rayuan ini. Isu-isu yang timbul adalah sama ada perayu telah diprejudis kerana hakim bicara gagal untuk membuat penilaian yang maksima ke atas keterangan pihak pendakwaan; dan sama ada hakim bicara tidak konsisten apabila dalam alasan penghakiman dia telah mensabitkan perayu di bawah s 300 bahagian (b) Kanun, walhal di akhir kes pembelaan dia mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes ke atas perayu tanpa keraguan yang munasabah di bawah bahagian (c) s 300 Kanun.

**Diputuskan**, menolak rayuan perayu dan mengekalkan sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi:

(1) Keterangan SP2 bahawa perayu telah masuk ke dalam rumah tersebut seorang disokong oleh keterangan SP4 dan SP5. Tidak ada alasan kukuh kenapa keterangan SP4 dan SP5 tidak boleh digunakan untuk menyokong keterangan SP6 kerana sepanjang masa perbicaraan kredibiliti kedua-dua saksi ini tidak pernah menjadi isu atau dicabar atau diputuskan oleh mahkamah sebagai saksi-saksi yang tidak kredibel atau kredibiliti kedua-dua saksi ini telah di 'impeach' sama ada oleh pihak pendakwaan atau pembelaan (lihat perenggan 33).

(2) Keterangan SP6 bahawa dia telah menolak SP5 ke arah sofa apabila melihat perayu mendekati SP5 dan mengacukan pisau ke arah dada SP5 adalah satu tindakan munasabah untuk melindungi isterinya dan keterangan ini disokong oleh SP5 yang memberi keterangan yang sama. Seterusnya adalah juga munasabah untuk SP6 menyatakan bahawa dia tidak tahu dengan siapa perayu pergi dari tempat kejadian seperti keterangan lisannya di mahkamah dalam keadaan huru-hara di rumahnya di mana abang sepupunya sendiri cedera parah. Percanggahan

ketiga yang diunjurkan oleh perayu amatlah remeh sifatnya. Tambahan pula laporan polis tersebut bukanlah satu keterangan substantif (lihat perenggan 38).

(3) Hakim bicara yang bijaksana telah mengubah dapatannya bahawa kes pendakwaan telah dibuktikan di bawah bahagian (c) s 300 kepada bahagian (b) seksyen yang sama. Tiada keraguan di sini dan perbuatan perayu yang telah menyebabkan kematian si mati telah dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kematian si mati, satu perbuatan yang jelas terjumlah di bawah bahagian (a) s 300. Itulah niat si mati dari awal lagi (lihat perenggan 44 & 46).

(4) Kalau sekadar ingin bertanya si mati kenapa si mati telah menumbuknya, tidak perlulah bagi perayu membawa pisau ketika menemui si mati/SP6. Dia menyatakan pisau dibawa untuk melindungi diri daripada apa-apa yang akan terjadi. Persoalan yang berbangkit, melindungi diri daripada apa? Sekiranya SP6 dan si mati ingin membelasah perayu, mereka boleh sahaja melakukannya ketika di kedai lagi kerana ketika itu perayu berseorangan dan mereka (SP6 dan si mati) berdua (lihat perenggan 47).

(5) Perayu telah menikam si mati sebanyak tiga kali di tiga tempat berasingan dengan kecederaan-kecederaan serius. Tikaman di perut telah dilakukan tanpa apa-apa alasan atau provokasi. Tikaman di leher menyusul kemudian dan setelah si mati jatuh atas lantai pun perayu masih lagi menikam si mati di pehanya. Penggunaan senjata yang merbahaya (pisau) dan pengenaan kecederaan-kecederaan serius yang sedemikian rupa yang ditimpakan bertalu-talu pada bahagian-bahagian yang 'vital' hanya membawa 'irresistible inference' bahawa perayu sememangnya mempunyai niat untuk menyebabkan kematian si mati yang terjumlah dalam bahagian (a), s 300 Kanun (lihat perenggan 49–50).

(6) Perayu tidak terprejudis dalam isu ini kerana bebanan pihak pendakwaan tetap sama walau di bawah bahagian mana sekali pun perbuatan bunuh tersebut telah dilakukan. Demikian juga beban pihak pembelaan juga tetap sama iaitu menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan. Perayu gagal untuk menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan dan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah (lihat perenggan 52).

(7) Si mati telah menumbuk perayu semasa di kedai tersebut tidak pernah ditimbulkan semasa pemeriksaan balas SP6. Nyata ini adalah rekaan semata-mata sebagai helah untuk menjustifikasikan kedatangannya ke rumah SP6. Dengan demikian tidak ada alasan langsung untuk perayu datang ke rumah SP6 dengan tujuan untuk bertanya kenapa si mati menumbuk dia kerana kejadian menumbuk ini tidak pernah berlaku (lihat perenggan 48).

**[English summary**

At the High Court, the appellant was charged with the offence of murder, under s 302 of the Penal Code ('the Code'). The murder occurred in the house belonging to SP5 and SP6. SP6 was SP5's husband. The deceased was SP6's cousin brother. SP4, one of the eyewitness, was SP6's aunt while SP3 was SP6's younger brother/sister. According SP6, on the day of the incident, he, SP5 and the deceased were in the living room of the house watching television. The appellant suddenly entered the house, armed with knives. SP6 got up and pushed SP5 to the sofa. SP5 saw the deceased got up from the couch and quickly pierced the right side of the deceased's stomach. SP6 then saw the appellant stabbing the deceased once again on the right side of the neck with the same knife. Due to the stabbing, the deceased fell to the floor. After falling to the floor, SP6 again saw the appellant stabbing the deceased's right thigh. The autopsy on the deceased stated that the cause of death was' hypovolaemia shock with disseminated intravascular coagulation. According SP6, before the murder, there was an altercation with Moses. In his defence, the appellant stated that he had gone to the store. While talking to SP6, the deceased smoked cigarettes. This provoked outrage because the deceased did not respect him. The appellant further stated that while he turned to his motorcycle, the deceased punched him. He responded by throwing his helmet to the deceased and proceeded to enter the shop. The deceased and SP6 then left the store. The appellant further stated that while he turned to his motorcycle, the deceased was struck. He responded by throwing helmet towards the deceased and entered the shop. SP6 and the deceased then left the store. The appellant went to SP6's house. On the way, he picked up a knife in the scrapyard to protect himself from anything that might happen. Upon arriving at SP6's house, he called for SP6 to ask why the deceased punched him. The deceased then got up from his seat and tried to snatch the knife from the appellant's hand. After that there was a struggle between him and the deceased. The appellant further stated that the injuries suffered by the deceased's were likely because the knife had punctured the deceased's body parts. The appellant stated that he had no intention to harm the deceased in the scuffle. During the scuffle, he was only trying to save himself. He did not notice when the knife stabbed the deceased. He only noticed the knife had stabbed the deceased when he saw the blood spots. He also stated that he did not notice the deceased was stabbed because at that time, he was in a state of dizziness at the sight of blood. After taking into account the totality of the evidence adduced, the trial judge dismissed the argument that the appellant should be found guilty under s 304(a) of the Penal Code where the appellant is said to have no intention to harm the deceased. Instead, the trial judge found evidence indicating that the appellant had the intention to cause injury to the deceased in normal circumstances that can lead to death as provided under limb (b) s 300 of the Code. The appellant was convicted and sentenced to death. Hence, this appeal. The issues that arose were whether the appellant was prejudiced because the trial judge failed to give

maximum evaluation on the evidence for the prosecution; and whether the trial judge was inconsistent when in the reasonings of the judgment, he convicted the appellant under s 300 limb (b) of the Code, whereas at the end of the defence case, he found that the prosecution had proved the case against the appellant beyond reasonable doubt under limb (c) s 300 of the Code.

**Held**, dismissing the appellant's appeal and upholding conviction and sentence by the High Court:

(1) SP2's evidence that the appellant had entered into the house was supported by the evidence of SP4 and SP5. There was no reason why the evidence of SP4 and SP5 could not be used to support SP6's evidence because during the trial, the credibility of both witnesses was never an issue or challenged or ruled out by the court as witnesses who were not credible or the credibility of the two witnesses were not impeached either by the prosecution or the defence (see para 33).

(2) SP6 's evidence that he had pushed SP5 to the sofa upon seeing the appellant approaching SP5 and brandishing a knife to the SP5's chest was a reasonable action to protect his wife and this evidence was supported by SP5 who gave the same evidence. It was also reasonable for SP6 to state that he did not know with whom the appellant went away with from the scene as per his oral evidence in court as in the chaos in the house where his cousin brother was seriously injured. The third contradiction projected by the appellant was very frivolous by nature. Furthermore, the police report was not a substantive evidence (see para 38).

(3) The judge had discretion to change his findings that prudent prosecution's case had been proven under limb (c) s 300 to limb (b) of the same section. No doubt here and the appellant's act caused the death of the deceased was done with the intention of causing the death of the deceased, an act that clearly fell under limb (a) of s 300. That was the intention of the deceased from the outset (see paras 44 & 46).

(4) If he had only wanted to ask the deceased had punched him, there was no need for the appellant to carry a knife when he met the deceased/SP6. He said the knife was brought to protect himself in case anything happened. The questions is, protect himself from what? If SP6 and the deceased wanted to thrash the appellant, they would have done so at the shop when the appellant was alone and there of two of them (SP6 and deceased) (see para 47).

(5) The appellant was stabbed three times at three different places with serious injuries. The stab in the abdomen was done without any reason or provocation. The stab in the neck followed later and after the deceased fell on the floor, the appellant continued to stab in his thigh. The use of a dangerous weapon (knife) and the serial imposition of serious injuries

inflicted on vital parts only invited the irresistible inference that the appellant always had the intention to cause the death to the deceased, which amounted to a limb (a) of s 300 of the Code (see paras 49–50).

(6) The appellant was prejudiced in this issue because the prosecution's burden remained the same despite which ever limb, the act of murder had committed. Likewise, the defence burden remained the same, namely to raise reasonable doubt on the prosecution's case. The appellant failed to raise any reasonable doubt on the prosecution's case and the prosecution proved its case beyond reasonable doubt (see para 52).

(7) The incident where the deceased punched the appellant at the store was never raised during the cross-examination of SP6. This was clearly fiction designed as mere ploy to justify his return to SP6's house. Thus, there was no reason whatsoever for the appellant to go to SP6's house to ask why the deceased punched him as this incident never occurred (see para 48).]

**Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 301–419.

**Kes-kes yang dirujuk**

*Ahmad Najib bin Aris v PP* [2009] 2 MLJ 613; [2009] 2 CLJ 800, MP (dirujuk)
*Cheong Kam Kuen v PP* [2013] 1 MLJ 15; [2013] 2 MLRA 1, MP (dirujuk)
*Lee Ah Seng & Anor v PP* [2007] 6 MLJ 1; [2007] 4 AMR 709, MP (dibeza)
*PP v Azilah Hadri & Anor* [2015] 1 MLJ 617; [2015] 1 CLJ 579, MP (diikut)
*PP v Megat Shahrizat bin Megat Shahrur* [2011] 5 CLJ 608, MR (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 60
Kanun Keseksaan ss 299, 300, (a), (b), (c), (d), 302, 304(a)

**Rayuan daripada**: Perbicaraan Jenayah No 45–20 Tahun 2008 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

*Hisham Teh (James George bersamanya) (Teh Poh Teik & Co) bagi pihak perayu.*
*Nahra bt Dollah (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.*

**Ahmadi Asnawi HMR:**

**[1]** Di Mahkamah Tinggi, perayu telah dihadapkan dengan pertuduhan berikut yang membawa hukuman mati mandatori:

Bahawa kamu pada 30 Disember 2007, jam lebih kurang 8.30 malam bertempat di

rumah No. 147, rumah setinggan Pandan Jaya, di dalam Daerah Ampang, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah membunuh Elanko a/l Bamiaya (No. K/P: 761023-14-5473) dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

**[2]** Perayu telah didapati bersalah dan sabit dengan kesalahan tersebut oleh hakim bicara yang bijaksana dan dikenakan hukuman gantung dengan menggunakan tali sampai mati.

**[3]** Rayuan di hadapan kami ini adalah berkaitan dengan sabitan dan hukuman tersebut.

KES PIHAK PENDAKWAAN

**[4]** Kejadian bunuh ini berlaku di dalam rumah No 147 kepunyaan SP5 (Nancy Ann a/p Thomas) dan SP6 (Morgan a/l Ganeson). SP6 adalah suami SP5. Si mati (Elanko a/l Bamiaya) adalah abang sepupu SP6. SP4 (Selvarani a/p Kalimuthu) salah seorang saksi mata, adalah ibu saudara SP6. SP3 (Sevagangadewi a/p Ganesan) adalah adik SP6.

**[5]** Menurut SP6 pada tarikh dan masa yang material tersebut, beliau bersama-sama SP5 dan si mati berada di ruang tamu di rumah tersebut menonton TV. Pintu kayu masuk rumah terbuka manakala pintu grill ditutup tetapi tidak berkunci.

**[6]** Secara tiba-tiba perayu telah masuk ke dalam rumah tersebut dengan bersenjatakan pisau. Ketika itu si mati sedang berbaring di atas sofa.

**[7]** SP5 kemudian bangun dan pergi ke arah perayu dan bertanya kenapa perayu masuk ke rumahnya dengan bersenjatakan pisau. Perayu tidak berkata apa-apa tetapi telah bertindak mengacukan pisau yang dibawanya ke dada SP5 dalam jarak dua kaki.

**[8]** SP6 kemudian bangun dan menolak SP5 ke arah sofa. SP5 nampak si mati bangun dari sofa. Pada masa itu si mati berada berhadapan dengan perayu. Sejurus selepas itu SP5 nampak perayu dengan pantas menikam sebelah kanan perut si mati dengan menggunakan pisau yang dibawanya.

**[9]** SP6 juga nampak perayu menikam perut si mati apabila beliau memusingkan badannya ke arah sofa. Kedua-dua si mati dan perayu kemudiannya bergelut. SP6 cuba merampas pisau dari tangan perayu tetapi gagal. SP6 kemudian nampak perayu menikam si mati sekali lagi di bahagian kanan leher dengan menggunakan pisau yang sama. Akibat tikaman tersebut si mati telah jatuh ke lantai. Selepas si mati jatuh ke lantai, SP6 nampak sekali lagi

perayu menikam peha kanan si mati. SP6 kemudian berjaya merampas pisau tersebut dari tangan perayu dan membawa pisau tersebut ke belakang rumah dan membuangnya di situ. A

**[10]** Pada ketika inilah SP4 telah sampai ke rumah tersebut. SP6 dan SP4 kemudian mengheret perayu keluar dari rumahnya. Si mati kemudian telah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur oleh SP6, SP5 dan SP4. B

**[11]** SP5 telah keluar dari rumah tersebut setelah nampak perayu menikam perut si mati untuk mencari pertolongan sebelum beliau jatuh pengsan. SP4 yang mendengar jeritan SP5 kemudiannya telah datang ke rumah tersebut. C

**[12]** Si mati meninggal dunia tiga hari kemudian. SP8, pakar patologi forensik yang menjalankan bedah siasat ke atas si mati menyatakan sebab kematian adalah 'hypovolaemia shock with disseminated intravascular coagulation'. D

**[13]** SP6 juga menyatakan bahawa sebelum kejadian bunuh tersebut, sememangnya telah wujud pertelingkahan di antara beliau dengan Moses yang berbangkit dari satu insiden kemalangan jalanraya di mana SP6 dituntut membayar ganti rugi sebanyak RM200 kepada Moses. Satu 'table talk' telah pun diadakan untuk menyelesaikan perkara tersebut sebelum hari Krismas. E

**[14]** SP6 juga menyatakan kurang satu jam dari kejadian pada hari kejadian (30 Disember 2007), terdapat pertengkaran di antara perayu dengan si mati di kedai runcit kepunyaan ibu saudara SP6 yang terletak tidak jauh dari rumah SP6. Pertengkaran itu berlaku apabila perayu menuntut dari si mati wang yang telah dipersetujui untuk dibayar sebagai ganti rugi semasa 'table-talk' tersebut. F

DAPATAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PENDAKWAAN G

**[15]** Hakim bicara yang bijaksana telah mendapati bahawa si mati telah mati dan si mati telah mati akibat daripada kecederaan yang dialaminya; kematian si mati adalah disebabkan oleh kecederaan yang dialaminya akibat perbuatan perayu; dan perbuatan perayu itu dibuat dengan niat untuk menyebabkan kecederaan tubuh badan si mati sebagaimana diketahui oleh perayu berkemungkinan menyebabkan kematian si mati yang dikenakan kecederaan tersebut, iaitu membunuh sebagaimana didefinisikan dalam *limb* (b) kepada s 300 Kanun Keseksaan ('KK'). H I

**[16]** Hakim bicara yang bijaksana mendapati bahawa ketiga-tiga tikaman tersebut (diperut, leher dan peha si mati) yang telah dikenakan di bahagian

penting tubuh si mati menunjukkan perayu mempunyai niat untuk mencederakan si mati di mana dalam keadaan biasa kecederaan tersebut boleh mendatangkan kematian.

**[17]** Hakim bicara yang bijaksana telah berpuas hati bahawa kesemua elemen pertuduhan telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan dan mendapati suatu kes prima facie telah dibuktikan ke atas perayu sebagai mana dipertuduhkan. Perayu telah dipanggil untuk membela diri.

PEMBELAAN PERAYU

**[18]** Perayu telah memberi keterangan secara bersumpah. Beliau telah mengenali si mati dan SP6 sebelum kejadian.

**[19]** Beliau mempunyai hubungan yang baik dan terhutang budi dengan Moses kerana Moses pernah membantunya membina rumah untuk keluarganya yang tinggal di Kampung Pandan.

**[20]** Moses mempunyai masalah dengan SP6 dan si mati. Kedua-dua mereka pernah dihantar ke Simpang Renggam angkara Moses. Selepas dibebaskan pada 23 Disember 2007 mereka telah merosakkan rumah Moses dengan membaling batu hingga menyebabkan cermin rumah Moses pecah. Adik Moses juga tercedera. Satu 'table talk' telah diadakan pada malam itu juga yang dihadiri oleh SP6, si mati, Moses, perayu sendiri dan dua lagi lelaki India. Hasilnya SP6 telah bersetuju untuk membayar RM800 kepada Moses sebagai ganti rugi.

**[21]** Pada hari kejadian (30 Disember 2007) pada kira-kira jam 7 petang beliau (perayu) telah pergi ke kedai untuk membeli rokok. Di kedai tersebut beliau nampak si mati dan SP6. Beliau telah bertanya SP6 sama ada bayaran telah dibuat kepada Moses. Semasa sedang bercakap dengan SP6, si mati menghisap rokok. Ini telah menimbulkan kemarahannya kerana si mati tidak menghormatinya.

**[22]** Perayu seterusnya menyatakan semasa beliau menoleh ke arah motorsikalnya, si mati telah menumbuknya. Beliau bertindak balas dengan melemparkan helmet ke arah si mati dan masuk ke dalam kedai. Si mati dan SP6 kemudian meninggalkan kedai tersebut.

**[23]** Selepas itu perayu telah pergi ke rumah SP6. Dalam perjalanan beliau telah mengambil pisau di kedai besi buruk untuk melindungi dirinya daripada apa-apa yang akan terjadi. Sesampai di rumah SP6, beliau telah memanggil SP6 untuk bertanya kenapa si mati menumbuknya. Kemudian beliau masuk ke dalam rumah dan nampak SP6, si mati dan SP5 di dalam rumah tersebut.

**[24]** Si mati kemudiannya bangun dari tempat duduknya dan cuba untuk merampas pisau dari tangannya. Selepas itu berlaku pergelutan di antara beliau dengan si mati.

**[25]** Perayu seterusnya menyatakan kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati berkemungkinan besar kerana pisau itu telah tertusuk di bahagian-bahagian badan si mati.

**[26]** Perayu menyatakan beliau tidak mempunyai niat untuk mencederakan si mati dalam pergelutan tersebut. Dalam pergelutan itu beliau hanya cuba untuk menyelamatkan dirinya. Beliau tidak perasan bila pisau tersebut tertikam si mati. Beliau hanya perasan pisau itu tertikam si mati apabila beliau nampak tompokan darah. Beliau turut menyatakan tidak perasan tikaman ke atas si mati kerana pada masa itu dalam keadaan 'dizzy' apabila melihat darah. Menurutnya lagi, pergelutan tersebut berlangsung lebih kurang sepuluh minit.

DAPATAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PEMBELAAN

**[27]** Setelah mengambil kira keseluruhan keterangan yang dikemukakan, hakim bicara yang bijaksana menolak hujahan bahawa perayu sepatutnya didapati bersalah di bawah s 304(a) KK di mana perayu dikatakan tidak mempunyai niat untuk mencederakan si mati. Sebaliknya beliau mendapati keterangan menunjukkan perayu mempunyai niat untuk mendatangkan kecederaan kepada si mati dalam keadaan biasa yang boleh membawa kepada kematian sebagaimana diperuntukkan dalam *limb* (b) s 300 KK. Beliau turut mendapati bahawa hampir keseluruhan keterangan perayu tidak pernah dicadangkan kepada mana-mana saksi pendakwaan terutamanya SP5 dan SP6. Perihal pisau tertikam dengan tidak sengaja juga tidak pernah dicadangkan kepada mana-mana saksi pembelaan.

**[28]** Hakim bicara yang bijaksana seterusnya mendapati pembelaan perayu merupakan penafian semata-mata dan gagal sama sekali untuk menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Sebaliknya pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah. Perayu telah didapati bersalah dan sabit di atas kesalahannya sebagaimana dipertuduhkan.

RAYUAN PERAYU

**[29]** Perayu mengunjurkan dua alasan berikut:

(a) perayu telah diprejudis kerana hakim bicara gagal untuk membuat penilaian yang maksima ke atas keterangan pihak pendakwaan; dan

(b) hakim bicara yang bijaksana tidak konsisten apabila dalam alasan

penghakiman beliau telah mensabitkan perayu di bawah s 300 *limb* (b) KK, walhal di akhir kes pembelaan beliau mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes ke atas perayu tanpa keraguan yang munasabah di bawah *limb* (c) s 300 KK seperti tercatit dalam nota keterangan di ms 190 RR Jld 2. Seterusnya dapatan di bawah *limb* (b) s 300 tersebut adalah menyimpang dari kebergantungan pihak pendakwaan di bawah *limb* (a) dan (c) KK.

*Alasan pertama – Tiada penilaian maksima*

**[30]** Di bawah alasan pertama, peguam perayu yang bijaksana menghujah hakim bicara yang bijaksana tidak mempertimbangkan bahawa SP6 adalah seorang saksi yang tidak boleh dipercayai (*not a credible witness*).

**[31]** Peguam perayu yang bijaksana menonjolkan tiga percanggahan dalam keterangan SP6 yang dihujahkan telah menjejaskan kredibilitinya dengan teruk sekali:

(a) dalam keterangannya di mahkamah, SP6 menyatakan perayu datang berseorangan diri ke rumahnya – di ms 78 Rekod Rayuan (RR) Jld 1. Walau bagaimanapun dalam laporan polisnya (Pandan Indah Report No 22588/07, eksh A di ms 1, Rekod Rayuan Tambahan 3) beliau menyatakan kira-kira sepuluh orang telah datang ke rumahnya dan beliau boleh mengenal pasti dua atau tiga orang daripada mereka;

(b) dalam keterangannya di mahkamah, SP6 menyatakan apabila perayu masuk ke dalam rumah, perayu mula-mula menghampiri (approached) SP5 dengan sebilah pisau. Namun dalam laporan polis yang sama, SP6 menyatakan perayu mahu menikam SP5 setelah menikam si mati. SP6 kemudian menyatakan laporan polisnya tidak betul; dan

(c) dalam keterangannya di mahkamah, SP6 menyatakan bahawa beliau dan SP4 telah mengheret perayu keluar dari rumah selepas perayu menikam si mati – ms 67 RR Jld 1 dan di ms 80 RR Jld 1, beliau menyatakan tidak tahu dengan siapa perayu meninggalkan tempat kejadian. Walau bagaimanapun dalam laporan polisnya, SP6 menyatakan perayu lari bersama kawan-kawannya dengan menggunakan motorsikal.

Peguam perayu menghujah ketiga-tiga percanggahan di atas langsung tidak dipertimbangkan oleh hakim bicara yang bijaksana ketika menganalisa keterangan SP6.

**[32]** Kami telah menghalusi percanggahan pertama tersebut dan mendapati bahawa walaupun hakim bicara yang bijaksana tidak menyentuh percanggahan ini semasa menilai kredibiliti SP6, ianya tidak menjejaskan

dapatan fakta beliau bahawa SP6 adalah seorang saksi yang kredible. Ini kerana percanggahan yang menjadi isu ini hanyalah keterangan sampingan yang tidak menjejaskan isu pokok dalam keterangan SP6, iaitu perayu telah masuk ke dalam rumah beliau berseorangan diri dengan membawa sebilah pisau dan telah menikam si mati sebanyak tiga kali dengan menggunakan pisau tersebut. Ini adalah inti pati (*core*) keterangan SP6 yang membabitkan perayu dengan kesalahan seperti dipertuduhkan. Malah dalam laporan polis tersebut, SP6 turut menamakan perayu yang dinyatakan sebagai Naga sebagai orang yang masuk ke rumahnya dan menikam si mati. Perihal sepuluh orang yang lain yang disebut dalam laporan polisnya itu tidak penting kerana mereka tidak terlibat dengan kejadian tersebut. Keterlibatan sepuluh orang tersebut juga tidak menjadi sebahagian daripada kes pihak pendakwaan. Demikian juga jumlah orang yang masuk ke dalam rumah tersebut juga tidak menjadi isu kerana tidak pernah dibangkitkan oleh pihak pembelaan.

**[33]** Keterangan SP2 bahawa perayu telah masuk ke dalam rumah tersebut seorang diri telah disokong oleh keterangan SP4 dan SP5. Tidak ada alasan kukuh kenapa keterangan SP4 dan SP5 tidak boleh digunakan untuk menyokong keterangan SP6 kerana sepanjang masa perbicaraan kredibiliti kedua-dua saksi ini tidak pernah menjadi isu atau dicabar atau diputuskan oleh mahkamah sebagai saksi-saksi yang tidak kredibel atau kredibiliti kedua-dua saksi ini telah di 'impeach' sama ada oleh pihak pendakwaan atau pembelaan.

**[34]** Materialiti percanggahan keterangan oral SP6 dengan laporan polisnya yang berlaku dalam kes ini dapat dibezakan dengan apa yang berlaku dalam kes *Lee Ah Seng & Anor v Public Prosecutor* [2007] 6 MLJ 1; [2007] 4 AMR 709, yang dirujuk oleh peguam perayu yang bijaksana. Apa yang berlaku dalam kes *Lee Ah Seng* ialah ketertinggalan saksi Hassan Lee untuk menyebut dalam laporan maklumat pertamanya tentang penglibatan perayu-perayu dalam kes tersebut dan dakwaan si mati (Sanip) dikejar selepas keluar dari terataknya. Mahkamah menyifatkan percanggahan-percanggahan ini sebagai paling menonjol dan penting dan ketertinggalan tersebut bukan semata-mata terhadap butiran (*details*) tetapi terhadap bahagian kedua kejadian yang penting yang dimaksudkan dalam keterangan di mana perayu-perayu dibabitkan. Laporan maklumat pertama ditamatkan setakat di mana Sanip keluar dari terataknya dan tidak menyebut mengenai beliau dikejar dan orang yang mengejarnya.

Alasan Hassan Lee kenapa beliau dengan sengaja telah menyembunyikan identiti pelaku-pelaku kesalahan tersebut kerana takut anak-anaknya akan bergaduh dengan Ah Hong (salah seorang perayu) telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan sebagai tidak munasabah sama sekali kerana '... bukanlah lazim bagi seseorang yang mengaku melihat seorang yang lain melakukan jenayah melaporkan jenayah tersebut tetapi menyembunyikan

identiti penjenayah tersebut, kerana tujuan melaporkan sesuatu jenayah adalah untuk membawa penjenayah tersebut ke muka pengadilan'.

**[35]** Ketertinggalan/percanggahan ini, tidak berlaku dalam kes di hadapan kami. Malah SP6 turut menamakan pembabitan perayu sebagai pelaku kesalahan dalam laporan polisnya yang beliau sebut sebagai 'Naga'. SP6 juga menyatakan ukuran pisau yang dibawa oleh perayu iaitu kira-kira 12 inci panjang dan si mati telah ditikam oleh perayu sebanyak tiga kali di bahagian perut, leher dan peha. Pada hemat kami SP6 telah memperincikan butiran-butiran yang perlu lagi mustahak dalam laporan polisnya untuk 'trigger' atau membantu proses penyiasatan walaupun ianya bukan laporan maklumat pertama.

**[36]** Dengan itu kami berpendapat percanggahan ini tidak perlu diberi kepentingan yang berlebihan (*exaggerated importance*) kerana ia tidak menjejaskan kredibiliti SP6 dan juga asas kes pendakwaan bahawa perayu telah menikam si mati sebanyak tiga kali dengan menggunakan pisau yang dibawa oleh perayu sendiri.

**[37]** Selanjutnya SP6 telah menjelaskan bahawa sebenarnya beliau telah melihat beberapa orang berlegar-legar di luar rumah selepas kejadian tikaman tersebut. Kehadiran beberapa orang tersebut juga telah disokong oleh keterangan SP4 dan SP5 yang turut melihat beberapa orang berada di luar rumah tersebut.

**[38]** Kami juga menghalusi percanggahan kedua dan ketiga dari sudut yang sama. Percanggahan-percanggahan tersebut tidak melibatkan intipati (*core*) keterangan SP6 yang membabitkan perayu dengan kematian si mati. Keterangan SP6 di mahkamah bahawa beliau telah menolak isterinya (SP5) ke arah sofa apabila melihat perayu mendekati SP5 dan mengacukan pisau ke arah dada SP5 adalah satu tindakan munasabah untuk melindungi isterinya dan keterangan ini disokong oleh SP5 yang memberi keterangan yang sama. Seterusnya adalah juga munasabah untuk SP6 menyatakan bahawa beliau tidak tahu dengan siapa perayu pergi dari tempat kejadian seperti keterangan oralnya di mahkamah dalam keadaan huru-hara di rumahnya di mana abang sepupunya sendiri cedera parah. Pada hemat kami percanggahan ketiga yang diunjurkan oleh peguam perayu yang bijaksana amatlah remeh sifatnya. Tambahan pula laporan polis tersebut bukanlah satu keterangan substantif.

*Alasan kedua – Hakim bicara tidak konsisten dalam dapatannya*

**[39]** Peguam perayu yang bijaksana menghujah bahawa di akhir kes pembelaan, hakim bicara yang bijaksana telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya terhadap perayu tanpa

keraguan yang munasabah di bawah *limb* (c), s 300, KK seperti tercatat di ms 190 RR Jld 2. Walau bagaimanapun dalam alasan penghakimannya di ms 252 dan 258 para 36, Jilid yang sama, hakim bicara yang bijaksana telah mendapati kes yang dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah di bawah *limb* (b). Perubahan dapatan ini telah memprejudiskan perayu seperti berikut:

(a) sekiranya kes adalah di bawah *limb* (c), maka mahkamah perlu membuat dapatan bahawa perayu sememangnya memaksudkan (intended) untuk mendatangkan kecederaan tersebut ke atas si mati – *Public Prosecutor v Megat Shahrizat Megat Sharur* [2011] 5 CLJ 608.

Tidak ada dapatan sedemikian dibuat oleh hakim bicara yang bijaksana.

(b) sekiranya kes adalah di bawah *limb* (c), maka mesti wujud keterangan dari pathologis bahawa kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati pada lazimnya mencukupi untuk menyebabkan kematian (sufficient in the ordinary course of nature to cause death) – *Cheong Kam Kuen v Public Prosecutor* [2013] 1 MLJ 15; [2013] 2 MLRA 1.

Peguam perayu yang bijaksana menghujah tidak ada keterangan yang sedemikian dari pathologis yang memberi keterangan dalam kes ini.

**[40]** Di atas kedua-dua alasan di atas peguam perayu yang bijaksana menghujah sabitan di bawah s 302 KK adalah tidak selamat dan perlu diketepikan dan digantikan dengan sabitan di bawah s 304(a) KK sahaja.

**[41]** Seksyen 299 KK menyenaraikan perbuatan-perbuatan yang terangkum dalam maksud homisid salah (*culpable homicide*). Seksyen 300 Kanun yang sama pula memperuntukkan homisid salah adalah membunuh orang (*murder*) jika perbuatan tersebut terjumlah dalam salah satu daripada kerangka-kerangka (*limb*) seperti di 'envisaged' dalam s 300 (a) atau (b) atau (c) atau (d) atau mana-mana kombinasi daripadanya. Seksyen 302 pula adalah hukuman bagi kesalahan membunuh orang.

**[42]** Seksyen 300 (a) hingga (d) KK telah memberi kemudahan kepada pihak pendakwaan di mana pihak pendakwaan hanya perlu menunjukkan atau membuktikan perbuatan homisid salah yang macam mana yang terjumlah kepada perbuatan membunuh orang yang menjadi kesalahan di bawah s 302. Seperti dinyatakan dalam para 41, perbuatan tersebut mestilah terjumlah dalam salah satu daripada *limb* atau kombinasi situasi-situasi seperti dalam s 300 (a) atau (b) atau (c) atau (d) dan tidak dilindungi di bawah mana-mana lima kecualian yang juga diperuntukkan dalam seksyen yang sama.

**[43]** Seterusnya, sama ada homisid salah tersebut adalah terjumlah dalam *limb* (a) atau (b) atau (c) atau (d) kepada s 300 adalah satu persoalan fakta di mana niat yang mendasari perbuatan-perbuatan tersebut juga adalah persoalan

fakta yang boleh disimpulkan daripada perbuatan/kelakuan pelakunya dalam ketiadaan niat yang nyata (*expressed intention*). Adalah *trite* bahawa niat seseorang itu adalah satu isu fakta (*a question of fact*).

**[44]** Kami bersetuju dengan hujahan peguam perayu yang bijaksana bahawa hakim bicara yang bijaksana telah mengubah dapatannya bahawa kes pendakwaan telah dibuktikan di bawah *limb* (c), s 300 kepada *limb* (b) seksyen yang sama. Ini telah mendorong kami untuk menilai semula secara kritikal keterangan yang wujud untuk maksud kesaksamaan. Adalah *trite* bahawa proses rayuan adalah sambungan sesuatu prosiding (*continuation of proceedings*) melalui pendengaran semula (*rehearing*) dan mahkamah yang mendengar rayuan tersebut boleh menilai semula atau menyemak keterangan yang wujud tersebut untuk menentukan (*ascertain*) sama ada dapatan-dapatan yang diperolehi oleh hakim bicara adalah betul. Kami berpandukan kepada s 60 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan *PP v Azilah Hadri & Anor* [2015] 1 MLJ 617; [2015] 1 CLJ 579. Sementara itu, Zulkefli Ahmad Makinudin FCJ (pada ketika itu) dalam *Ahmad Najib bin Aris v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 613; [2009] 2 CLJ 800 menyatakan:

> I am of the view that the Court of Appeal has the power to review or to re-evaluate all the evidence available as adduced by the prosecution .... In a case involving purely a question fact, the Court of Appeal is free to determine whether or not the various findings of the trial court are correct (see *Mohamed Mokhtar v PP* [1972] 1 MLJ 122).

**[45]** Daripada keterangan-keterangan yang wujud sebagai mana di kemukakan oleh pihak pendakwaan kami mendapati fakta-fakta berikut:

(a) perayu telah pergi ke rumah SP6 setelah berlaku pertengkaran di kedai kepunyaan ibu saudara SP6, di mana kononnya si mati telah menumbuk perayu;

(b) dalam perjalanan ke rumah SP6, perayu telah mengambil sebilah pisau (eksh P9) di kedai besi buruk untuk melindungi dirinya daripada apa-apa yang akan terjadi;

(c) sesampainya di rumah SP6, perayu telah memanggil SP6 untuk bertanya kenapa si mati menumbuknya.

(d) perayu kemudiannya masuk ke dalam rumah SP6;

(e) pada waktu itu SP6, SP5 dan si mati berada dalam rumah tersebut;

(f) perayu telah menuju ke arah SP5 tetapi setelah SP5 ditolak oleh SP6 ke arah sofa, perayu telah pergi kepada si mati. Sehubungan dengan fakta ini, kami tidak ada alasan untuk menolak keterangan kedua-dua SP5

dan SP6 yang menyatakan pada mulanya perayu telah menghampiri SP5 hingga jarak dua kaki dari SP5 dan ingin menikam SP5 tetapi SP5 telah ditolak ke arah sofa oleh SP6;

(g) perayu telah menikam perut si mati ketika si mati bangun dari sofa. Kemudian berlaku pergelutan di antara si mati dengan perayu di mana perayu telah sekali lagi menikam si mati di bahagian kanan lehernya. Akibat tikaman ini si mati telah jatuh atas lantai. Setelah si mati jatuh, perayu telah sekali lagi menikam si mati pada peha bahagian kanannya. Sehubungan fakta ini, kami menolak keterangan perayu yang menyatakan kecederaan-kecederaan yang dialami si mati berkemungkinan kerana pisau itu telah tertusuk di bahagian-bahagian badan si mati kerana isu ini tidak pernah ditimbulkan kepada saksi-saksi pendakwaan di peringkat kes pendakwaan khususnya kepada SP6, SP5 dan SP4. Pembelaan yang diunjurkan ketika itu ialah perayu datang ke rumah tersebut tanpa membawa sebarang senjata dan tidak pernah menikam si mati; dan

(h) tikaman di bahagian perut berkedalaman lebih kurang sepuluh cm dan panjangnya lebih kurang 10–20cm. Kedalamannya pula sehingga tembus ruang perut yang mengakibatkan kecederaan hati. Tikaman di bahagian leher panjangnya 10cm yang mengakibatkan saluran darah telah terkoyak dan putus. Tikaman di bahagian peha panjangnya 5cm. Akibat daripada tikaman tersebut si mati telah mengalami kehilangan darah yang kritikal – lihat keterangan SP11, pegawai perubatan yang mula-mula sekali merawat si mati untuk lihat 'the extend of' kecederaan-kecederaan yang dialami oleh si mati secara lebih terperinci. Pendarahan yang dialami tidak berhenti walaupun SP11 telah melakukan pelbagai kaedah untuk menstabilkannya sehingga memaksa si mati dihantar ke ICU Hospital Kuala Lumpur.

**[46]** Dari perincian-perincian di atas kami tidak mempunyai sebarang keraguan dan mendapati bahawa perbuatan perayu yang telah menyebabkan kematian si mati telah dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kematian si mati, satu perbuatan yang jelas terjumlah di bawah *limb* (a), s 300. Itulah niat si mati dari awal lagi.

**[47]** Kalau sekadar ingin bertanya si mati kenapa si mati telah menumbuknya, tidak perlulah bagi perayu membawa pisau ketika menemui si mati/SP6. Beliau menyatakan pisau dibawa untuk melindungi diri daripada apa-apa yang akan terjadi. Soal yang berbangkit, melindungi diri dari apa? Sekiranya SP6 dan si mati ingin membelasah perayu, mereka boleh sahaja melakukan ketika di kedai lagi kerana ketika itu perayu berseorangan dan mereka (SP6 dan si mati) berdua.

**[48]** Seterusnya perihal si mati telah menumbuk perayu semasa di kedai tersebut tidak pernah ditimbulkan semasa pemeriksaan balas SP6. Nyata ini adalah rekaan semata-mata sebagai helah untuk menjustifikasikan kedatangannya ke rumah SP6. Dengan demikian tidak ada alasan langsung untuk perayu datang ke rumah SP6 dengan tujuan untuk bertanya kenapa si mati menumbuk beliau kerana kejadian menumbuk ini tidak pernah berlaku. Apa yang sebenarnya berlaku di kedai tersebut adalah seperti keterangan SP6 iaitu perayu telah memukul si mati dengan helmet kerana si mati telah memandang beliau di mana SP6 kemudiannya terus memanggil si mati dan balik ke rumah.

**[49]** Perayu telah menikam si mati sebanyak tiga kali di tiga tempat berasingan dengan kecederaan-kecederaan serius seperti diperincikan di para 45(g) di atas. Tikaman di perut telah dilakukan tanpa sebarang alasan atau provokasi. Tikaman di leher menyusul kemudian dan setelah si mati jatuh atas lantai pun perayu masih lagi menikam si mati di pehanya. SP11 menyatakan si mati mengalami kecederaan yang amat serious dan ekorannya mengalami pendarahan yang juga amat serius dan keadaannya masih kritikal walaupun telah dirawat dan harapannya untuk 'survive' adalah tipis dan selepas dirawat mungkin boleh bertahan selama 48–72 jam, kalau bernasib baik. Si mati meninggal dunia tiga hari kemudian.

**[50]** Maka apakah yang boleh disimpulkan dari perbuatan si mati di atas? Dari senjata yang digunakan dan dari kecederaan-kecederaan yang dikenakan secara bertalu-talu di bahagian-bahagian 'vital' tubuh-badan, adalah nyata bahawa perbuatan perayu yang telah menyebabkan kematian si mati tersebut telah dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kematiannya. Penggunaan senjata yang merbahaya (pisau) dan pengenaan kecederaan-kecederaan serius yang sedemikian rupa yang ditimpakan bertalu-talu pada bahagian-bahagian yang 'vital' hanya membawa 'irresistible inference' bahawa perayu sememangnya mempunyai niat untuk menyebabkan kematian si mati yang terjumlah dalam *limb* (a), s 300, KK.

**[51]** Dapatan hakim bicara yang bijaksana yang mendapati perbuatan perayu tersebut adalah terjumlah sama ada di bawah *limb* (b) atau (c) adalah tidak selaras dengan fakta-fakta dan keterangan-keterangan yang telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

**[52]** Di atas dapatan kami di atas setelah menilai semula keterangan yang wujud, maka hujahan peguam perayu yang bijaksana di atas dapatan hakim bicara yang tidak konsisten tersebut adalah tidak relevan lagi. Perayu tidak terprejudis dalam isu ini kerana bebanan pihak pendakwaan tetap sama walau di bawah *limb* mana sekali pun perbuatan bunuh tersebut telah dilakukan. Demikian juga beban pihak pembelaan juga tetap sama iaitu menimbulkan

keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan. Kami berpuas hati bahawa perayu gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan dan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah.

**[53]** Dengan demikian kami menolak rayuan perayu dan mengekalkan sabitan dan hukuman yang telah dikenakan ke atas beliau oleh Mahkamah Tinggi.

*Rayuan perayu ditolak dan sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi dikekalkan.*

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor